

10/01/2003

Laporan status bangunan mesti siap 14 hari

MELAKA: Kabinet memberi tempoh dua minggu kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menyiapkan laporan terperinci mengenai status bangunan kediaman atau komersial yang siap tetapi tidak diduduki.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata laporan itu mesti dikembalikan kepada kementeriannya dalam tempoh berkenaan manakala salinannya dihantar kepada kerajaan negeri.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, kelmarin, ingin mengetahui punca mengapa bangunan kediaman atau komersial yang siap dibina tetapi belum diduduki.

"Antara alasan yang kerap dikemukakan ialah kerana bangunan berkenaan tidak mempunyai sijil layak menduduki (CF).

"Alasan ini kerap dikemukakan dan jemaah menteri sudah bosan mendengarnya. Berikutan itu, kementerian mahu PBT menyiapkan laporan terperinci status bangunan terbabit di kawasan masing-masing.

"Jika bangunan itu tidak mendapat CF, apa sebabnya dan bagaimana masalah itu boleh diatasi. Bukan mencari alasan yang sama tanpa penyelesaian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia (JKPPP) di sini, semalam.

Ong berkata, melalui laporan terperinci itu pihaknya dapat mengetahui kedudukan sebenar masalah dan permasalahan yang dihadapi oleh PBT dan tindakan segera yang boleh diambil bagi mengatasinya.